



PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK,
TINGKAT 16, BANGUNAN SULTAN ISKANDAR,
JALAN SIMPANG TIGA,
93592 KUCHING.

Telefon : 082-421333 (Pejabat Am)
Fax : 082-424489
E-mail : pms@pmswk.gov.my

Rujukan : PKP(8.00)96/3-7 JD.3(23)

Tarikh : 24 April 2009

Semua Residen Bahagian di seluruh Sarawak,

Semua Cawangan Jabatan Akauntan Negara Malaysia di seluruh Sarawak,

Tuan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SARAWAK
BILANGAN 2 TAHUN 2009 –JAWATANKUASA SEBUTHARGA DI
PEJABAT RESIDEN**

TUJUAN

Surat Pekeliling Perbendaharaan Malaysia Sarawak (PMS) ini bertujuan memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga (yang menggunakan peruntukan Persekutuan) di Pejabat Residen boleh dijalankan tanpa kehadiran wakil PMS. Sebelum Arahan Perbendaharaan (AP) 192.5 dimansuhkan, Jawatankuasa Sebutharga ini dahulunya dikenali sebagai Lembaga Perolehan Persekutuan Peringkat Bahagian dan kehadiran wakil PMS pada masa diwajibkan.

LATAR BELAKANG

Pekeliling ini dikeluarkan selaras dengan perkara-perkara berikut:-

- 2.1 Pemansuhan AP 192.5 selepas AP dipinda berkuat kuasa 31 Julai 2008.
- 2.2 Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) Bil.2 Tahun 2001, Lembaga Perolehan Peringkat Bahagian Negeri Sarawak telah ditukar tarafnya kepada Jawatankuasa Sebutharga.

TANGGUNGJAWAB PEJABAT RESIDEN

3. Walaupun wakil PMS tidak akan hadir dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga di Pejabat Residen, pihak tuan adalah diingatkan supaya mematuhi sepenuhnya SPP Bil.5 Tahun 2009 – Perubahan Had Nilai Dan Tatacara Pengurusan Perolehan Secara Sebutharga, dalam menguruskan perolehan secara sebutharga termasuk hal-hal berkaitan pelantikan ahli-ahli sebutharga.
4. PMS akan memantau pematuhan tatacara perolehan secara sebutharga (yang menggunakan peruntukan Persekutuan) di Pejabat Residen dari semasa ke semasa melalui lawatan pemantauan PMS.
5. Untuk tempoh peralihan selama tiga (3) bulan, mulai dari bulan Mei hingga Julai 2009, wakil PMS akan hadir mesyuarat Jawatankuasa Sebutharga di Pejabat Residen hanya sebagai ahli jemputan (optional member), sekiranya dijemput hadir oleh pihak Pejabat Residen.

BERKUAT KUASA

Surat Pekeliling PMS ini berkuat kuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“SENTIASA MESRA TELITI DAN CEPAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(MAT OMAR BIN JOHARI)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sarawak
Perbendaharaan Malaysia Sarawak